

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) setiap negeri agar bantuan kewangan boleh disalurkan oleh PBT kepada peniaga kecil yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai bantuan dan insentif kewangan yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun lalu melalui pakej rangsangan dalam membantu peniaga kecil yang terkesan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antaranya ialah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) dan Geran Khas Prihatin (GKP).

GKP adalah bantuan khas kewangan yang disalurkan Kerajaan terus ke akaun penerima daripada kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mikro. Rekod penerima ini didapati daripada agensi-agensi kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia. Sehubungan itu, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menyalurkan peruntukan kepada PBT bagi memberi bantuan yang seumpama.

Maklumat daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) menunjukkan jumlah penerima GKP kini mencecah 1 juta PKS mikro. Semenjak pandemik COVID-19 melanda negara sehingga hari ini, peruntukan GKP yang telah disalurkan kepada PKS mikro telah berjumlah RM6.08 bilion. Penerima GKP sedia ada yang masih aktif menjalankan perniagaan akan memperoleh manfaat bantuan berterusan yang diberikan Kerajaan dalam membantu aliran tunai dan memulihkan perniagaan mereka semasa tempoh pandemik yang mencabar.

Sekian, terima kasih.